

Headline **PLURALISME AGAMA: POLITIK, FANATIK DAN REALISTIK**  
 Date **25 Feb 2011**  
 Media Title **Sinar Harian**  
 Section **Selangor & KL**  
 Journalist **N/A**  
 Frequency **Daily**  
 Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
 Page No **s18**  
 Article Size **662 cm<sup>2</sup>**  
 Color **Full Color**  
 ADValue **3,641**  
 PRValue **10,923**



# PLURALISME AGAMA: POLITIK, FANATIK DAN REALISTIK

Isu pluralisme digembar-gemburkan sesetengah media di dalam negara ini. Apakah tujuan sebenar, saya kurang pasti. Namun, apa pun dalam dunia terbuka hari ini, isu-isu pemikiran memang tidak dapat dielakkan. Cumanya, dalam membahaskan isu sebegini, ada yang ikhlas, ada berpolitik dan ada mengambil kesempatan tertentu.

Jika kita lihat isu *Valentine's Day*, ramai membantah atas alasan ia tiada dalam Islam. Menariknya, Hari Ibu, Hari Bapa, Hari Buruh, Hari Aids dan seumpamanya juga tiada dalam ajaran Islam, tetapi tidak dibantah. Jika ada yang menyatakan *Valentine's Day* memberikan kesan negatif kepada masyarakat, sambutan tahun baru dan kemerdekaan pun apa kurang. Betapa ramai mengambil kesempatan pada malam-malam tersebut untuk bermaksiat. Namun, tidak kuat bantahan terhadapnya.

Ya, kita bersetuju dengan bantahan sambutan *Valentine's Day* untuk orang Islam, namun kita mesti memberikan justifikasi jelas. Apabila ada agenda tidak jelas, masyarakat akan kehairanan terhadap banyak asas tindakan yang dikaitkan dengan Islam ini.

Saya melihat ada seorang dua yang menulis tentang pluralism di media tertentu dan seminar mereka ini diuar-uarkan media tertentu. Menteri Besar Kelantan turut dikait dengan pluralisme.

Menariknya, ada yang lantang tentang pluralisme ini dalam masa sama menganut dan iktiraf wahdatul wujud ala Ibn 'Arabi, iaitu kesatuan antara Tuhan dan makhluk dalam makam kerohanian. Wahdatul wujud ini kepercayaan yang dikongsi oleh banyak agama dalam pelbagai tafsiran. Tidaklah pula mereka anggap diri telah jatuh ke lembah pluralisme agama. Maka, sekali lagi pelbagai persoalan timbul tentang isu pluralisme dibangkiti kelompok tarekat ini.

Lebih daripada itu, mereka tidaklah lantang ketika tokoh-tokoh politik yang membela mereka melakukan upacara ritual agama lain dalam perayaan tertentu. Sebaliknya mereka yang memuja dan memuji tokoh-tokoh politik dengan pelbagai nas agama.

## PLURALISME DAN RELATIVISME

Adakah pluralisme agama ini kufur atau tidak? Sebenarnya, ini tidak dapat dijawab melainkan

kita terlebih dahulu jelas apakah yang seseorang itu faham dari pluralisme agama atau *religious pluralisme* tersebut. Jika dia memahami pluralisme itu menganggap semua agama sama nilai di sisi Tuhan, kebenaran itu dikongsi secara bersama atau kebenaran itu relatif, maka itu pastinya bertentangan dengan akidah Islam dan membawa kekufuran. Ini bererti kefahaman pluralisme ini menyamai kefahaman relativisme.

Namun, jika dia menganggap bahawa pluralisme bererti mengiktiraf kepelbagaian agama, cuba memahami lebih mendalam antara satu sama lain dan bersikap tolak ansur tanpa menggadaikan prinsip-prinsip akidah Islam, terutamanya hanya Islam sebagai agama Allah, maka itu tidak membawa kepada kekufuran. Di sini bererti, kefahaman pluralisme ini tidak sama dengan relativisme yang menganggap kebenaran adalah sesuatu yang relatif.

Maka, isu pluralisme ini bergantung pada tafsiran pihak yang berbicara. Setiap pihak mempunyai kefahaman yang tersendiri tentang hal ini. Diana L Eck (Harvard University) menyatakan, pluralisme tidak sama dengan relativisme. Pluralisme tidak menuntut seseorang meninggalkan identiti dan tanggungjawab. Juga tidak semesti bersetuju dengan semua

yang diperkatakan oleh pihak lain. Namun bersetuju untuk berbincang, memberi dan mendengar pandangan pihak lain.

Katanya: "*pluralism is not relativism, but the encounter of commitments. The new paradigm of pluralism does not require us to leave our identities and our commitments behind, for pluralism is the encounter of commitments. It means holding our deepest differences, even our religious differences, not in isolation, but in relationship to one another..pluralism is based on dialogue.*"

"*The language of pluralism is that of dialogue and encounter, give and take, criticism and self-criticism. Dialogue means both speaking and listening, and that process reveals both common understandings and real differences.*"

"*Dialogue does not mean everyone at the 'table' will agree with one another. Pluralism involves the commitment to being at the table with one's commitments*" ([http://pluralism.org/pages/pluralism/what\\_is\\_pluralism](http://pluralism.org/pages/pluralism/what_is_pluralism))

Apa yang penting bukan istilah-istilah ini, tetapi kepercayaan atau akidah seseorang muslim berkaitan hal ini. Jika dia percaya semua agama adalah berkongsi kebenaran yang sama, atau kebenaran itu sesuatu yang subjektif, boleh dilihat pada dimensi berbeza, maka itu pluralisme kufur. Jika dia anggap hanya Islam agama wahyu yang diiktiraf di sisi Allah, namun kepelbagaian agama adalah sesuatu tidak dapat dielakkan, manusia mesti belajar memahami antara satu sama lain, berbincang dengan cara yang baik, sudi untuk berdialog dan menyemakkan sikap dan tindakan, maka ini tidak kufur. Bahkan itulah yang dilaksanakan oleh sarjana Islam terbilang.

Headline	<b>PLURALISME AGAMA: POLITIK, FANATIK DAN REALISTIK</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>25 Feb 2011</b>	Page No	<b>s18</b>
Media Title	<b>Sinar Harian</b>	Article Size	<b>662 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Selangor &amp; KL</b>	Color	<b>Full Color</b>
Journalist	<b>N/A</b>	AD Value	<b>3,641</b>
Frequency	<b>Daily</b>	PR Value	<b>10,923</b>
Circ / Read	<b>60,000 /</b>		

## PRINSIP ISLAM

Isu ini hendaklah ditangani dengan asas ilmu, bukan dengan fanatik, atau kepentingan politik. Hakikat Islam dan kehidupan masyarakat manusia itu hendaklah difahami. Di sini saya sebutkan beberapa asas penting untuk kita fahami;

- i. Seorang Muslim wajib beriktikad bahawa hanya Islam yang diterima di sisi Allah. Islam itu agama Nabi Muhammad SAW dan seluruh nabi sebelum baginda. Firman Allah (maksudnya): "Dan sesiapa yang mencari selain Islam sebagai agamanya, maka sama sekali tidak diterima daripadanya dan dia di akhirat nanti termasuk dalam kalangan mereka yang rugi". (*Surah Ali-Imran, ayat 85*). Maka, Muslim tidak percaya semua agama sama di sisi Allah di sudut kebenaran dan wahyu. Ini soal akidah. Namun bukanlah bererti Islam membezakan manusia di sudut keadilan dan hak kemanusiaan.
- ii. Pun begitu, Islam mengiktiraf kewujudan agama lain dan hak mereka untuk berpegang dengan apa yang mereka yakin. Maka Islam menegaskan: (maksudnya) "Tiada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) daripada kesesatan (kufur)" (*Surah al-Baqarah ayat 256*). Ayat ini diturunkan kepada golongan Ansar di mana dalam kalangan mereka mempunyai anak-anak yang telah diyahudi atau dikristiankan. Apabila Islam datang, mereka ingin memaksa anak-anak mereka menganut Islam, maka Allah melarang berbuat demikian sehingga mereka sendiri membuat pilihan. Lalu diturunkan firman-Nya tadi. Kata Ibn 'Abbas: "Ada seorang wanita yang tidak dapat mengandung. Dia bernazar jika dia dapat anak, dia akan

jadikannya beragama Yahudi. Apabila Yahudi Bani Nadir dihalau keluar dari Madinah, ada dalam kalangan mereka anak-anak golongan Ansar. Kata ibu bapa mereka:

"Kami tidak akan biarkan anak-anak kami mengikut mereka, maka Allah turunkan ayat: " (*Riwayat Abu Daud, dinilai sahih oleh al-Albani*). Demikianlah ajaran Islam. Jika ibu bapa pun tidak boleh memaksa agama anak sendiri, inikan pula orang lain.

- iii. Islam tidak memusuhi pengikut agama lain hanya kerana perbezaan agama. Bahkan Muslim disuruh berbuat baik kepada mereka yang tidak menzahirkan permusuhan kepada Islam. Firman Allah (maksudnya): "Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan memberikan sumbangan harta kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil". (*Surah al-Mumtahanah, ayat 8-9*).
- iv. Islam mengiktiraf kebaikan yang ada pada agama lain dan pengikutnya seperti mengiktiraf halalnya sembelihan Yahudi dan Kristian dan keizinan berkahwin dengan wanita mereka. Ini disebut dalam *Surah al-Maidah ayat 5*. Demikian Islam mengiktiraf kebaikan yang ada pada golongan paderi Kristian. Firman Allah: "... demi sesungguhnya engkau akan

dapati orang-orang yang paling dekat sekali kasih mesranya kepada orang-orang yang beriman ialah orang-orang yang berkata: "Bahawa kami ini orang-orang Nasrani" yang demikian itu, disebabkan antara mereka pendita-pendita dan ahli-ahli ibadat, dan kerana mereka pula tidak sombong" (*Surah*

*al-Maidah: 82*)

- v. Islam melarang penganutnya menzalimi penganut agama lain. Perbezaan tidak boleh membawa kepada penindasan dan kezaliman. Firman Allah (maksudnya): "Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan". (*Surah al-Maidah: ayat 8*).
- vi. Islam menggalakkan dialog dalam suasana yang harmoni dan baik. Firman Allah (maksudnya). "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah dan mauizah hasanah (nasihat yang baik), dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui siapa sesat dari jalan-Nya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk (*Surah al-Nahl: 125*)
- vii. Maka isu pluralisme hendaklah ditangani dengan ilmu, bukan fanatik atau kepentingan politik, tetapi hendaklah realistik dengan asas Islam dan kehidupan manusia.

"ISLAM ITU RAHMAT"

Anda Bertanya, Dr Mohd Asri Menjawab

Sila hantar soalan anda kepada:  
moasriza@yahoo.com

Sila layari Minda Tajdid di [drmaza.com](http://drmaza.com)

